

**BAB KETIGA**

## BAB KETIGA

### METODOLOGI

Perkataan metodologi terdiri daripada dua suku kata iaitu "methodos" dan "logos". Methodos berasal dari bahasa Yunani bererti "je-lan" atau "cara".<sup>1</sup> Logos bererti "ilmu". Hasil daripada percampuran dua suku kata ini menjadi metodologi yang bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>2</sup>

Dari sudut penelitian atau kajian ilmiah, metod ialah merupakan suatu yang amat penting sekali, kerana ia merupakan cara yang digunakan untuk objek yang menjadi sasaran dalam kajian tersebut.<sup>3</sup> Sesudah kajian atau penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metod-metod yang dipakai tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya.

Penulis telah menggunakan qaedah metodologi di dalam penulisan ini, untuk mendapatkan maklumat dan mengumpulkan data-data dan fakta-fakta tentang objek yang diselidiki dari subjek yang disampelkan. Sebagaimana yang telah dipaparkan secara ringkasnya di dalam bab pertama iaitu bab pendahuluan, tetapi untuk lebih jelas berikut akan dihura-

<sup>1</sup> Koentjaraningrat (Ed.), Metode-metode penelitian masyarakat, Penerjemah P.T Gramedia, Jakarta, 1977, hal. 16

<sup>2</sup> Prof. Imam Barnadib, Arti dan metode sejarah pendidikan, Yaya dan Penerjemah FIR-IKP, Yogyakarta, 1982, hal. 51

<sup>3</sup> Koentjaraningrat (Ed.), op. cit.

akan dengan lebih lanjut tentang metod-metod tersebut dan penggunaannya dalam kajian ini.

#### A. Metod penentuan subjek.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab 1, bahawa dalam kajian kertas projek ini, penulis telah menggunakan metod sampling di dalam penentuan subjek penelitian. Ini dilakukan disebabkan banyaknya populasi yang menjadi subjek penelitian ini, iaitu banyaknya Badan-badan Da'wah yang terdapat di Malaysia yang berbagai nama dan cara penyampaian - da'wah mereka.

Subjek yang menjadi sampel penelitian ini ialah Islamic Outreach ABIM Wilayah Persekutuan. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada sudut pendekatan yang dibawa oleh pertubuhan ini dalam usahanya mendakwahkan golongan non muslim dan saudara baru yang bergerak secara sukarela iaitu tanpa mendapat bantuan kerajaan.

Penulis juga menggunakan metod sampling untuk menentukan tempat kajian iaitu Wilayah Persekutuan memandangkan eratnya da'wah banyak terdapat di sini.

Diantara masalah yang menarik perhatian ialah:

1. Di sini terdapat banyak badan da'wah tetapi ketanyakannya lebih menumpukan da'wah terhadap umat Islam sendiri.

2. Penyebarluasannya Kristian memaknanya lebih bergiat cergas keadaan ini menyebabkan dari hari ke hari jumlah pengikut

agama Kristian dan keadaan ini tidak boleh dipandang sepi oleh masyarakat Islam khususnya oleh 'bedan-bedan da'wah yang terdapat di sini dan di seluruh Malaysia.

3. Terdapat remai saudara baru yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan fardu 'ain.

Berdasarkan faktor di ataslah, maka perlulah adanya kesedaran dari seluruh umat Islam untuk mendo'wakan Islam kepada mereka agar Islam dapat difahami oleh mereka sebagai agama yang dapat menjamin kesejahteraan dalam kehidupan mereka, seterusnya mereka dapat meneri-ka Islam dalam kehidupan mereka. Oleh itulah dalam membincangkan malah inilah, maka penulis meniliih Islamic Outreach yang merupakan suatu bentuk program dalam Cerakar Da'wah ABIM yang sedar akan pentingnya da'wah terhadap golongan-golongan ini iaitu saudara baru dan non-muslim.

#### II. Metod pengumpulan data.

Metod ini merupakan suatu qaedah untuk mendapatkan data-data tentang suatu objek yang hendak penulis selidiki. Dalam penyelidikan ini, penulis melakukan penelitian ke atas objek yang menjadi sampel. Penelitian bererti usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data-datu yang terkumpul.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Dr. Abdul Halim Bin Haji Mat Diah, Falsafah pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, Disertasi Dr. ;IAIN Sunan Kalijogo, Yogyakarta 1986, hal. 111

Data-data tersebut dapat dikumpulkan melalui metode-metode berikut :

### 1. Metod Historis.

Metod Historis bermakna "suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian".<sup>1</sup> Metod ini digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah .

Sungguhpun penelitian sejarah itu adalah merupakan sesuatu yang amat kompleks, namun penulis telah berusaha semaksimal mungkin untuk mendapatkan fakta-fakta yang benar dan komprehensif. Walaupun begitu sesuatu yang tidak dinafikan bahawa dalam usaha penulis mengumpulkan data melalui metod historis, sudah tentu tidak semua fakta-fakta sejarah dapat dikumpulkan. Hakikat ini adalah bersesuaian dengan apa yang ditulis oleh Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method.....*: "Sejarah hanyalah sebahagian masa lamku manusia yang dapat disusun kembali secara bererti, berdasarkan rakan-rakan yang ada dan berdasarkan kesimpulan-kesimpulan mengenai dirinya".<sup>2</sup>

Dalam kajian ini metod tersebut digunakan dalam usaha untuk mendapatkan data bagi bab pendahuluan iaitu mengenai latarbelakang ma-

---

<sup>1</sup> Imam Barnadib, op. cit., hal 52.

<sup>2</sup> Louis Gottschalk, Understanding History: A Primer of Historical Method (Mengerti sejarah), Terjemahan Nurchito Noto Susanto, Universitas Indonesia, Jakarta, 1973, hal. 32.

ciolah dan dibuat perbandingan neterusnya membuat kesimpulan -kesimpulan. Oleh itu penulis menggunakan metod ini untuk menyiapkan kesemua yang terdapat dalam kajian ini.

### 3. Metod interview.

Metod interview ialah cara yang digunakan "untuk mendapat kebenaran atau pendirian secara lisan dari seorang responden, dengan berakap-cakap berhadapan muka dengan orang tersebut".<sup>1</sup> Metod ini merupakan metod pembantu yang utama kepada metod observasi.<sup>2</sup>

Di dalam kajian ini, penulis telah mengadakan interview terhadap orang-orang yang terlibat secara langsung dengan badan da'wah ini, di samping itu juga penulis telah membuat interview atau temubuel dengan orang yang tidak terlibat dengan hadan da'wah ini untuk mendapatkan pandangan mereka tentang hadan da'wah ini.

Sebelum sesuatu interview dijalankan, penulis telah menyediakan beberapa 'interviu guide'. Penyedian ini berdasarkan kepada orang yang akan diinterviu mengikut bidang-bidang kiasa dan tugas mereka.

Setelah dilakukan penyediaan yang secukupnya terhadap 'interviu guide', maka penulis melakukan interview yang seluruhnya mengambil.

---

<sup>1</sup> Koen Jaraningrat, op. cit., hal. 16

<sup>2</sup> Ibid.

maca selama satu hingga dua jam. Ini berdasarkan jumlah 'interviu gu<sup>1</sup> yang disediakan dan maklumat-maklumat yang boleh diberikan.

Semasa melakukan metod ini, penulis juga telah menghadapi beberapa masalah contohnya ada di antara responden yang sukar seleksi untuk dihubungi dan sukar untuk mendapatkan alamat tempat tinggal mahu pun nomor taliponnya. Walau bagaimanapun masalah ini akhirnya dapat diatasi oleh penulis dengan izin dan pertolongan dari Allah s.w.t.

Temubual ini kebanyakannya dijalankan di Pejabat Outreach, manah responden ataupun di Pejabat tempat responden bertugas.

#### 4. Metod observasi.

Metod observasi adalah bererti cara pengumpulan maklumat dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek kajian. Ia pun termasuklah juga pengalaman seseorang peneliti yang dialami secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungannya dengan objek penelitian di mana penulis menjatangi tempat kajian untuk membuat peramatan secara lebih jelas lagi mengenai objek penelitian.<sup>1</sup>

Menurut pendapat Dr. Marjia W. Bakhtiar dalam tulisannya yang berjudul "Pengamatan sebagai suatu metode penelitian" menyatakan bahwa pengamatan atau observasi yang dilakukan secara cermat adalah merupakan suatu cara penelitian ilmiah yang sesuai bagi para ilmuwan dalam

<sup>1</sup>Dr. Abdul Halim Mat Didi, Suatu contoh tentanguraian metode observasi, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, hal.125

lam bidang-bidang ilmu sosial di negara-negara yang belum dapat me-  
diakan anggaran yang amat besar bagi tujuan penelitian. Dengan  
menggunakan metod ini, penelitian ilmiah dapat dilakukan tanpa memer-  
lukan biaya yang besar dan menggunakan ahli yang banyak.<sup>1</sup>

Termasuk juga dalam metod ini ialah pengalaman penulis dalam  
menghadiri kelas-kelas yang diadakan pada hari Ahad (Sunday Programme)  
dan program yang diadakan di Medina House dalam usaha untuk mengumpul  
kan data-data bagi heb keempat.

### 5. Borang soal selidik.

Penulis menggunakan borang soal selidik (lihat lampiran 10)  
untuk mendapatkan data secara langsung dari responden. Ini bertujuan  
untuk mendapatkan pandangan dan pendapat mereka terhadap program yang  
diadakan oleh Pihak Outreach ini dan sejauh manakah keberkesanannya.

Borang soal selidik ini mengandungi 24 soalan yang diedarkan  
kepada mereka yang menghadiri kelas-kelas yang diadakan pada hari A-  
had di Islamic Outreach ini. Borang soal selidik ini hanya diedarkan  
kepada saudara baru sahaja dan tidak kepada non muslim. Tidak dapat  
dinafikan dalam penggunaan metod ini, penulis telah menghadapi bebe-  
rpa masalah walaupunnya borang-borang tidak disusun dengan lengkap.  
seperti masalah wajahnya lewat dan sebagainya. Penulis terpaksa menggunakan  
bahasa Inggeris dalam borang kaji selidiknya kerana responder-respon-

---

<sup>1</sup> Koentjaraningrat, op. cit., hal. 11

nya adalah terdiri dari berbagai-bagai bangsa, dan ada pula di antaranya yang tidak boleh berbahasa Melayu. Data-data yang terkumpul ini borang ini digunakan untuk mengetahui sejauh manakah mereka dapat memahami kelas-kelas yang disediakan pada hari Ahad, adakah kehadiran mereka pada setiap minggu dan lain-lain persoalan yang berkaitan dengan tajuk ini. Semua ini akan dibincangkan dalam bab empat nanti.

### C. Metod penganalisan data dan penulisan.

Metod penulisan data adalah suatu analisa terhadap data-data yang telah dikumpulkan oleh penulis serta membuat perbandingan dengan data-data yang diperolehi melalui qaedah-qaedah pengumpulan data seperti yang telah disebutkan di atas. Selpas itu penulis mengadakan pengolahan data dan menganaliuanya dengan menggunakan metod-metod yang berikut :

#### 1. Metod Induktif.

Metod induktif merupakan suatu cara penganalisan data melalui "pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khas untuk sampai kepada dalil yang umum".<sup>1</sup>

Dalam penelitian untuk penganalisan data ini, penulis telah merakam data-data yang bersifat khusus kemudianya akan dibuat kesimpulan-kesimpulan yang bersifat umum.

---

<sup>1</sup> Imam Barnadib, op. cit., hal 52.

Penulis menggunakan metod ini dalam latarbelakang masalah bab 1 pendahuluan, bab 2 landasan teori, bab 3 dalam menentukan subjek , penganalisaan data dalam bab 4 dan akhir sekali dalam bab 5 iaitu menyimpulkan kesimpulan-kesimpulan.

Dalam penulisan tentang latarbelakang masalah dalam bab 1 , penulis telah memperkenalkan huraian-huraian yang bersifat umum kesudian dirangkumkan dalam suatu rumusan iaitu tentang Kuala Lumpur yang mengikumi aspek penduduk, geografi, sejarah, aktiviti keagamaan dan sebagainya.

Dalam bab 2, landasan teori penulis banyak menggunakan metod untuk merumuskan pengertian daerah Islamiah. Ianya dilakukan dengan mengambil pendapat ulama' tentang masalah ini kesudian dirumus untuk mendapatkan kesimpulan secara umum.

Dalam bab 3, metodologi penulis menggunakan untuk menentukan subjek penelitian. Sebagai contoh, banyak alasan yang dikemukakan untuk pemilihan subjek tersebut. Di dalam bab 4 juga metod ini banyak digunakan iaitu dalam huraian yang berhubungan dengan penggunaan data.

Dalam bab 5 iaitu bab kesimpulan dan saranan penggunaan metod ini ialah untuk membuat kesimpulan-kesimpulan umum. Caranya ialah sebelum dibuat kesimpulan umum, penulis terlebih dahulu membuat kesimpulan-kesimpulan khusus berdasarkan kepada setiap masalah menjadi objek penelitian. Sesudah itu barulah dibuat kesimpulan

## 2. Metod Deduktif.

Dijempiri metod deduktif, penulis juga menggunakan metod deduktif. Metod deduktif merupakan penganalisaan data berdasarkan "pemikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil terhadap hal-hal khusus".

Metod ini banyak digunakan dalam penganalisaan data dan penulisan bab 4 dan bab 3 iaitu semasa penulis memilih Islamic Outreach sebagai sasaran penelitian berdasarkan bukti-bukti yang menunjang kebenaran tersebut.

## 3. Metod komparatif.

Dalam pengolahan dan penganalisaan data ini, penulis menggunakan metod komparatif di samping metod induktif dan deduktif.

Metod komparatif ialah "cara membuat kesimpulan dengan melihat perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam penelitian dilakukan".<sup>2</sup> Segala fakta-fakta dan pendapat yang mempunyai kuasa (otoriti) dikumpulkan kemudian dibuat perbandingan untuk dijadikan kesimpulan.

Contohnya dalam bab 2, penulis menggunakan metod ini untuk

---

<sup>2</sup>Ibid

Dr. Abdul Halim bin Mat Diah, op. cit, hal. 13

mencari pengertian da'wah Islamiah setelah membuat perbandingan pendapat. Begitulah juga dalam bab 4, metod ini digunakan dalam membuat perbandingan pendapat di antara orang yang ditemui iaitu mengenai pendapat yang diaturkan oleh Islamic Outreach ini.